

18 FEB 1997

PERDANA MENTERI AKHIRI LAWATAN DUA HARI KE SABAH

KOTA KINABALU, 18 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas petang tadi selepas melawat dua hari ke Sabah.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan anggota kabinet negeri berada di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Yang turut berada di lapangan terbang ialah Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat.

Sebelum itu, Perdana Menteri melancarkan Le Tour de Langkawi yang disertai 150 pelumba basikal terkemuka dunia di Pusat Perdagangan Sabah, di sini dan menerima sumbangan daripada beberapa syarikat swasta yang menaja perlumbaan itu.

Pada sebelah pagi, Mahathir mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Umno negeri dan Majlis Gereja-Gereja Sabah sebelum mengunjungi Gayana Bay Resort, sebuah pusat peranginan di Pulau Gaya, dekat sini.

-- BERNAMA

NT AHH